



Politik etnik Malaysia: Analisis pasca Pilihan Raya Umum ke 12 mengenai sokongan bukan Melayu kepada UMNO dan PAS

Amer Saifude Ghazali¹, Mohammad Redzuan Othman¹, Zulkanain Abdul Rahman¹,
Rosmadi Fauzi¹

¹Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya, D/A Pejabat Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
50603 Universiti Malaya, Malaysia

Correspondence: Amer Saifude Ghazali (email: asaifude@um.edu.my)

Abstrak

Dalam politik Malaysia, UMNO dan PAS dilihat sebagai memperjuangkan kepentingan Melayu namun PAS juga memberi keutamaan kepada Islam. Etnik Melayu menjadi sumber utama kepada sokongan yang diperolehi oleh kedua-dua parti ini. Namun begitu, UMNO dan PAS juga perlu mendapat sokongan yang signifikan daripada etnik bukan Melayu untuk mencapai kemenangan yang lebih besar. Kertas ini meneliti kenyataan ini dengan menganalisis keputusan pilihan raya umum ke 12 dan mengemukakan kajian terkini berkenaan perkara tersebut. Dengan menggunakan teknik analisis korelasi dan regrasi, hasil penelitian menunjukkan bahawa pengundi Cina dan India telah memberikan sokongan penuh kepada calon pembangkang tanpa mengira etnik calon tersebut walaupun calon parti pembangkang adalah Melayu. Namun parti pembangkang tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada etnik Melayu. Hubungan signifikan yang negatif membawa pengertian semakin ramai etnik Melayu dalam sesebuah kawasan maka sokongan kepada pembangkang semakin merosot. Kesimpulannya ialah suatu konundrum: UMNO dan PAS masih bergantung kepada sokongan etnik Melayu berbanding etnik lain dalam pilihan raya ; namun peminggiran etnik lain, jika dilakukan, akan turut menjejaskan prestasi mereka.

Katakunci: analisis korelasi, analisis regrasi, geografi pilihan raya, kelakuan pilihan raya, politik etnik, politik Malaysia

Malaysia's ethnic politics: A post-12th General Election analysis of the non-Malay support of UMNO and PAS

Abstract

In Malaysian ethnic politics, the two rival Malay parties of UMNO and PAS have always been perceived as championing the ethnic Malay cause even with PAS giving an overt emphasis on Islam. The ethnic Malay electorate therefore is the only source of support and thus survival of the two parties. However, to secure a greater victory, both UMNO and PAS need to gain significant votes of the non-Malays. This paper examines this thesis by analysing the results of the 12th General Elections (GE) and post GE by-elections. Employing the correlation and regression analysis techniques the results show that the ethnic Chinese and Indian electorates have rendered full support to the opposition candidates regardless of their ethnicity and that included Malay candidates. The results also show however that the opposition parties did not garner total support of the Malay voters. These negative statistical correlations mean that the higher the number of Malay voters in an area the less support of the Malays the opposition would obtain. The conclusion is a conundrum: UMNO and PAS are still crucially dependent on the Malay factor to win elections; but if the non Malay ethnics are sidelined they would still suffer.

Keywords: correlation analysis, electoral behaviour, ethnic politics, Malaysian politics, regression analysis, the geography of election

Pendahuluan

Dalam konteks Malaysia, Melayu dan Islam sering dilihat sebagai satu komponen yang amat sukar untuk dipisahkan. Apabila individu tertentu berasal daripada etnik Melayu sekaligus akan disinonimkan dengan beragama Islam. Dalam keadaan yang lebih ekstrim, etnik selain Melayu yang memeluk Islam akan dikatakan “Masuk Melayu” dan akan meninggalkan identiti asal etnik mereka. Pandangan ini diperkuatkan dengan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan yang mengatakan, “Melayu ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu..”. Perkara ini tidak seharusnya menjadi amalan kerana secara tidak langsung akan menyempitkan tafsiran dan peranan Islam seterusnya membentuk persepsi bahawa Islam adalah milik etnik Melayu sahaja. Walaupun asasnya agak sempit tetapi ia tetap menjadi keutamaan pada masa kini yang seharusnya dipecahkan tembok kekebalannya.

Malah dalam politik Malaysia, kedua-dua frasa Melayu-Islam ini sering digandingkan secara bersama. Ia dijadikan sebagai ideologi parti politik yang dilihat memperjuangkannya secara serentak. Timbul kekeliruan untuk memberikan keutamaan kepada salah satu daripadanya, Melayu ataupun Islam yang seharusnya ke hadapan? Secara umumnya terdapat perbezaan yang jelas antara Melayu dan Islam. Melayu adalah etnik dan perjuangan yang berasaskan etnik dilabelkan sebagai nasionalisma. Menurut Johnston et al. (2000: 533), nasionalisma adalah, ‘*a feeling of belonging to the nation, a corresponding political ideology which hold that the territorial and national unit should be allowed to co-exist in an autonomously congruent relationship*’.

Sementara Islam adalah agama samawi dan salah satu agama yang mempunyai pengikut yang paling ramai di dunia. Definisi agama adalah pelbagai dan meliputi dimensi yang luas. Sebahagian ahli falsafah mengatakan, agama adalah, ‘*superstitious structure of incoherent metaphysical notions*’, ‘*collective expression of human values*’ ataupun ‘*mystical complex surrounding a projected super-ego*’ (Endang, 1982). Bagi Ferm (1959), agama adalah, ‘*is a set of meanings and behaviours having refrence to the individuals who are or were or could be religious, ... is a generic term referring to all conseivable, formal or informal*. Seterusnya Bellah berpendapat agama adalah ‘*as a set of symbolic forms and acts which relate man to the ultimate conditions of his existence*’ (Bowker, 1997). Ringkasnya, agama menegaskan kepada suatu peraturan yang mengatur keadaan manusia, samada mengenai sesuatu yang ghaib, kepekertian dan kesopanan, pergaulan sesama makhluk dan kehidupan selepas kematian. Agama tidak dikhususkan kepada etnik tertentu malah menjadi milik semua etnik yang wujud dalam alam. Perjuangan agama juga merentasi sempadan etnik dan negara.

Dalam konteks politik Malaysia, UMNO dan PAS lebih dilihat sebagai dua buah parti terbesar yang mendokong ideologi Melayu-Islam dalam perjuangan politik mereka. Kedua-dua parti sering bertembung dalam pilihan raya umum negara demi mempertahankan ideologi masing-masing. Namun pertentangan dalam Pilihan Raya Umum ke 12 (2008) agak sengit dan memperlihatkan beberapa fenomena yang menarik. UMNO lebih dilihat sebagai memperjuangkan nasionalisme Melayu dan dalam setengah keadaan mengurangkan kepentingan Islam. Bagi PAS pula, ideologi yang diperjuangkan adalah Islam dan bersedia mengurangkan idealisma Melayu mereka. Namun dalam keadaan tertentu, PAS juga seolah-olah dilihat lebih mementingkan Melayu dalam tindakan politik mereka. Ini membawa kepada persepsi PAS hampir sama dengan UMNO yang memperjuangkan kepentingan Melayu dan pada masa yang sama menafikan kepentingan etnik lain. Atas persepsi ini maka timbul saranan supaya PAS dan UMNO membentuk gagasan ‘kerajaan perpaduan’ demi kesejahteraan rakyat. Gagasan ini mendapat tentangan daripada kelompok dalaman PAS sendiri tetapi disambut dengan tangan terbuka oleh pihak UMNO. Sehingga hari ini, idea ‘kerajaan perpaduan’ masih tergantung tetapi tidak pernah dilupakan oleh pelbagai pihak.

Berdasarkan lataran ini, kertas ini bertujuan menilai sejauhmanakah faktor politik etnik Melayu-Islam masih mempengaruhi dan menentukan kemandirian UMNO dan PAS .

Signifikan Pilihan Raya Umum ke 12 (2008) kepada UMNO dan PAS

Pilihan raya ke 12 (2008) ini agak menarik dalam menunjukkan kelainannya berbanding pilihan raya - pilihan raya umum yang lepas. Ini kerana lima buah negeri/wilayah telah dikuasai oleh parti pembangkang iaitu Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor, Kuala Lumpur termasuk Kelantan yang terus dikuasai oleh parti PAS. Pilihan raya umum 1969 juga agak sengit tetapi masih tidak dapat mengatasi pilihan raya umum 2008. Dalam pilihan raya parlimen 2008, pihak kerajaan BN telah kehilangan majoriti 2/3 kerusi parlimen apabila memenangi 140 kerusi berbanding 82 kerusi oleh pakatan pembangkang yang terdiri daripada PKR, DAP dan PAS. Pakatan BN dilihat agak goyah apabila pakatan pembangkang hanya memerlukan antara 30-40 buah kerusi untuk membentuk kerajaan melalui majoriti mudah.

Seterusnya yang agak penting adalah keberanian pengundi untuk memilih parti pembangkang terutamanya di kawasan bercampur seperti yang diterangkan sebelum ini. Dan ternyata coraknya agak berlainan dengan pilihan raya - pilihan raya umum yang lepas. Mereka secara jelas menolak idea politik pembangunan yang sering dijadikan bahan kempen oleh BN. Seolah-olah idea ini sudah lapuk dan rakyat/pengundi mahukan sesuatu yang lebih daripada pembangunan. Ataupun disebabkan oleh kefahaman mereka tentang tugas dan tanggungjawab pemerintah adalah membangunkan negara. Tugas asasi ini harus dipikul oleh mana-mana parti politik yang menjadi kerajaan dan harus melaksanakannya pada setiap masa. Justeru itu, pihak kerajaan seharusnya tidak menggunakan isu-isu pembangunan untuk memancing undi kerana ia memang tugas dan tanggungjawab mereka dan sekiranya tidak mampu atau tidak mahu melaksanakannya, lebih baik parti politik tersebut tidak menyertai bidang politik ataupun tidak bertanding dalam pilihan raya.

Selain daripada itu juga, telah berlaku 16 kali pilihan raya kecil selepas daripada pilihan raya umum ke 12. Bilangan pilihan raya kecil ini adalah paling banyak dalam sejarah perjalanan pilihan raya negara. Makin menarik apabila BN dan pakatan pembangkang PR telah berkongsi kemenangan sebanyak 8 kali sesama mereka. Kemenangan BN dalam pilihan raya kecil adalah perkara biasa namun kemenangan PR dalam 8 pilihan raya kecil adalah kejayaan yang cemerlang bagi mereka. Timbul beberapa persoalan daripada keputusan siri pilihan raya kecil tersebut. Adakah sokongan kepada BN telah kembali semula setelah mereka kalah agak teruk dalam pilihan raya umum ke 12 yang lalu ataupun pihak pembangkang PR telah kehilangan momentum sokongan pengundi dalam pilihan raya umum yang lalu.

Dalam pilihan raya umum ke 12 ini juga hampir di setiap buah kerusi parlimen menyaksikan pertandingan satu lawan satu di antara parti kerajaan BN dan parti pembangkang. Walaupun parti pembangkang tidak mempunyai pakatan yang kukuh tetapi parti-parti utama seperti PAS, DAP dan PKR mampu mewujudkan persefahaman untuk menentang pakatan BN sekurang-kurangnya semasa pilihan raya. Jadual 1 menunjukkan jumlah kerusi yang ditandingi dan dimenangi oleh

Jadual 1. Kerusi yang ditandingi dan dimenangi oleh parti-parti dalam pilihan raya parlimen 2008


| Parti | Kerusi ditandingi | Kerusi dimenangi | Peratus kerusi dimenangi daripada kerusi ditandingi |
|--------|-------------------|------------------|---|
| UMNO | 117 | 79 | 67.5 |
| MCA | 40 | 15 | 37.5 |
| GRM | 12 | 2 | 16.3 |
| MIC | 9 | 3 | 33.3 |
| PPP | 1 | 0 | 0 |
| Jumlah | 179 | 99 | 55.3 |
| PAS | 66 | 23 | 34.8 |
| PKR | 95 | 31 | 32.6 |
| DAP | 48 | 28 | 58.3 |
| PRM | 2 | 0 | 0 |
| Jumlah | 211 | 82 | 38.9 |

parti-parti dalam pilihan raya parlimen 2008. Prestasi parti-parti komponen BN seperti MCA, Gerakan dan MIC agak merosot . Keadaan yang berbeza bagi parti pembangkang, PAS dan DAP

mencatatkan kejayaan yang lebih baik berbanding pilihan raya 2004 dan bagi PKR, parti ini merekodkan kemenangan yang paling cemerlang dengan menguasai paling banyak kerusi parlimen di kalangan parti pembangkang.

Dalam pilihan raya 2008, prestasi UMNO agak merosot berbanding pilihan raya 2004 apabila memenangi 79 kerusi daripada 117 kerusi yang ditanding (67.5 peratus). Namun begitu UMNO merupakan parti komponen BN yang paling cemerlang dalam pilihan raya ini. Keadaan sebaliknya berlaku kepada PAS apabila parti ini dapat meningkatkan kemenangannya berbanding pilihan raya 2004 apabila menguasai 23 daripada 66 kerusi yang ditandinginya (34.8 peratus berbanding 8.4 peratus pada pilihan raya 2004).

Sementara itu, sokongan etnik Melayu kepada UMNO dan PAS agak pelbagai (Rajah 1). Dalam kawasan pilihan raya yang mempunyai komposisi etnik Melayu di bawah 40 peratus, berlaku saingan sengit di antara UMNO dan PAS. Namun begitu apabila komposisi etnik Melayu melebihi daripada 40 peratus dan etnik Melayu semakin menumpu dalam kawasan pilihan raya, prestasi PAS lebih baik daripada UMNO.



Rajah 1. Undi/sokongan yang diperolehi oleh UMNO dan PAS pada pilihan raya umum parlimen 2008

Kemandirian UMNO dan PAS menjelang PRU ke 13

Kedudukan Melayu-Islam dikatakan agak terancam melalui keputusan PRU 12. Prestasi UMNO yang merosot dan bilangan kerusi PAS yang paling sedikit di kalangan parti pembangkang menyebabkan timbulnya kerisauan tersebut. PKR dilihat tidak memperjuangkan Melayu-Islam kerana keanggotaannya terbuka kepada semua etnik. Penekanan kepada perjuangan Melayu-Islam akan menyebabkan PKR kehilangan sokongan daripada etnik selain Melayu. Kebimbangan ini menyebabkan timbul cadangan supaya UMNO dan PAS berkerjasama demi kepentingan Melayu dan Islam. Latar belakang keadaan ekonomi yang merudum dan keadaan politik negara yang tidak tenteram selepas PRU 12 menyebabkan banyak pihak mencadangkan penyelesaiannya.

Berasaskan politik keamanan dan perdamaian, Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang telah mencadangkan konsep kerajaan perpaduan di antara parti-parti politik utama negara (Hafiz 2009). Parti-parti kerajaan dan pembangkang akan membentuk satu pasukan pemerintahan dalam menguruskan pentadbiran negara tanpa perlu mengorbankan ideologi parti masing-masing. Parti-parti dalam kerajaan perpaduan ini bebas memberikan pendapat dan tidak terikat dengan mana-

mana parti yang utama. Semua parti akan dilayan sama rata dan diberikan hak yang sama dalam semua perkara. Natiujahnya akan melahirkan pemimpin yang berwibawa dan berintegriti seterusnya pemimpin yang korup akan tertolak dengan sendiri. Namun begitu idea beliau agak terkehadapan dan tidak semua pihak dalam PAS bersetuju dengan perkara tersebut. Kelompok yang tidak bersetuju menganggap langkah ini akan menyebabkan PAS sekali lagi tertipu. Walau apa pun keadaanya, UMNO akan tetap dapat mengawal dan mengongkong PAS seterusnya melemahkan keupayaan PAS. Kelompok ini masih lagi mengingati peristiwa PAS dipelawa menyertai Perikatan selepas daripada peristiwa 13 Mei 1969. Dalam PRU 1969, UMNO memperolehi 29.9 peratus undi popular berbanding PAS yang mendapat 20.9 peratus undi. Sementara Perikatan menguasai 44.9 peratus undi berbanding parti PAS, DAP dan Gerakan yang meraih 40.2 peratus undi popular (Amer Saifude, 2009). Keadaan Perikatan dan UMNO yang agak lemah pada masa tersebut menyebabkan timbul idea untuk menyatukan parti-parti politik Melayu dan Islam. Dan akhirnya pada tahun 1973, PAS telah menyertai komponen parti Perikatan yang namanya ditukar kepada Barisan Nasional (BN). Selain daripada PAS, PPP dan Gerakan juga telah menyertai komponen BN. Ternyata formula kerajaan campuran BN ini membuahkan hasil apabila pada PRU 1974, BN menguasai 60.7 peratus undi berbanding parti pembangkang DAP yang hanya menguasai 18.3 undi (Amer Saifude, 2009).

Namun begitu, permainan politik licik UMNO dalam pembentukan kerajaan campuran khasnya dengan penyertaan PAS dalam BN bermula apabila UMNO tidak bersetuju dengan dengan calon pilihan PAS, Haji Wan Ismail Ibrahim sebagai Menteri Besar Kelantan selepas PRU 1974. PAS terpaksa bersetuju menerima calon pilihan UMNO, Dato' Muhamad Nasir sebagai Menteri Besar Kelantan (Subky, 1977). Bermula daripada peristiwa ini berlakunya krisis politik Kelantan yang menyebabkan PAS ditolak keluar BN pada tahun 1977. Dan pada PRU 1978, kerajaan PAS telah dikalahkan oleh BN. Kekalahan PAS ini banyak disebabkan oleh krisis dalaman yang berlaku dalam parti itu sendiri. Rentetan peristiwa perlantikan Menteri Besar Kelantan, Dato' Muhamad Nasir yang dicadangkan oleh UMNO menyebabkan berlaku pertikaian antara beliau dengan Presiden PAS pada masa tersebut yang juga berasal dari Kelantan Dato' Mohamad Asri. Kemuncaknya Dato' Mohamed Nasir telah dipecat oleh PAS dan beliau dikalahkan dengan undi tidak percaya dalam DUN Kelantan (Subky, 1978). Setelah itu Dato' Mohamed Nasir menubuhkan parti BERJASA serta berkerjasama dengan BN untuk menghadapi PAS dalam PRU 1978. Dan akhirnya kerajaan PAS tumbang setelah memerintah Kelantan selama 19 tahun. Berdasarkan peristiwa ini, pihak yang menentang konsep kerajaan perpaduan merasakan UMNO akan melakukannya sekali lagi dan meletakkan PAS berada dalam keadaan yang paling lemah. Dalam keadaan politik semasa, PAS berada dalam keadaan yang paling kuat dan selesa semenjak penubuhannya pada tahun 1951, mempunyai 23 kerusi parlimen, menguasai beberapa kerusi DUN di Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, dan Pahang seterusnya menguasai dua buah negeri, Kelantan dan Kedah. Keadaan ini adalah hasil daripada perjuangan pihak PAS sendiri yang membina kekuatan mereka sedikit demi sedikit tanpa memerlukan bantuan dan sokongan pihak luar.

Selain daripada itu juga, kelompok yang menentang konsep kerajaan perpaduan juga berpendapat adalah lebih baik PAS berada dalam pakatan rakyat berbanding BN. Pakatan rakyat yang turut dianggotai DAP dan PKR disifatkan lebih memperjuangkan hak, kebebasan dan kebajikan rakyat di samping mempunyai pemimpin yang lebih berkualiti, berintegriti dan bermoral berbanding pemimpin BN. Malah sokongan besar yang PAS perolehi dalam PRU 2008 disebabkan penyatuan PAS dalam pakatan rakyat. Etnik bukan Melayu dikatakan banyak membantu kemenangan PAS terutamanya di kawasan pilihan raya yang komposisi etniknya bercampur-campur antara Melayu, Cina dan India. Prestasi PAS juga agak memberangsangkan di kawasan pengundian yang komposisi etniknya bercampur. Sebelum daripada ini, PAS amat sukar untuk menembusi kawasan etnik bercampur apatah lagi untuk mendapat undi yang signifikan mahupun menang di kerusi tersebut.

Walaupun bagaimanapun, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang telah menarik balik cadangan kerajaan perpaduan ini. Beliau berpendapat masih ramai lagi yang tidak faham dan tidak dapat menerima gagasan ini. Akan tiba masanya masyarakat berfikir semula dan menilai balik cadangan tersebut seterusnya menggunapakai gagasan kerajaan perpaduan. Namun begitu,

ia masih tidak dilupakan dan masih terdapat pihak yang berminat untuk meneruskan agenda tersebut.

Pengukuhan atau kemelesetan politik Melayu-Islam UMNO dan PAS?

Corak pengundian yang menarik dalam PRU 12 mampu menggambarkan keadaan politik Melayu-Islam yang berlaku. Sokongan etnik tertentu kepada parti politik boleh menghuraikan keadaan ini dengan menggunakan kaedah analisis statistik korelasi. Analisis korelasi adalah untuk membuktikan wujudnya hubungan di antara dua pemboleh ubah yang dipilih dan menghuraikan bentuk hubungan kedua-duanya. Bagi analisis ini, dua pemboleh ubah yang dipilih adalah sokongan kepada BN dan pembangkang, serta komposisi etnik dalam kawasan pilihan raya semasa PRU parlimen 2008. Analisis pertama yang dijalankan adalah sokongan kepada BN dengan komposisi etnik dalam kawasan pilihan raya. Jadual 2 memperlihatkan hubungan tersebut.

Jadual 2. Korelasi antara sokongan kepada BN dengan komposisi etnik dalam pilihan raya parlimen pada PRU 2008

| | | Melayu (%) | Cina (%) | India (%) | Lain (%) |
|--------|------------------|------------|----------|-----------|----------|
| BN (%) | Korelasi Pearson | .32** | -.32** | -.24** | .15 |
| | Sig. (2-tailed) | .00 | .00 | .00 | .05 |
| | N | 166 | 166 | 166 | 166 |

** . Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

* . Korelasi signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed)

Sokongan etnik Melayu kepada BN adalah signifikan dan positif namun memperlihatkan hubungan yang lemah. Walaupun begitu, ia menunjukkan semakin ramai etnik Melayu dalam sesebuah kawasan pilihan raya maka sokongan kepada BN semakin bertambah. Etnik Melayu masih penting kepada BN berbanding Cina dan India. Kedua-dua etnik, Cina dan India membentuk hubungan signifikan yang negatif dengan sokongan kepada BN. Semakin menumpu kedua-dua etnik dalam kawasan pilihan raya akan diikuti dengan sokongan yang menurun kepada BN. Bentuk hubungan yang negatif ini memberikan gambaran kedua-dua etnik Cina dan India kurang penting kepada BN berbanding etnik Melayu. Adakah ini bermaksud dalam PRU 2008, formula muafakat dalam kerajaan BN semakin longgar dan tidak stabil?. Adakah isyarat ini juga petanda jelas rakyat terutamanya etnik Cina dan India kepada BN untuk memperbaiki prestasi dan khidmat mereka? Adakah pihak BN memahami isyarat ini dan lebih penting, adakah pengundi melihat BN hanya mementingkan etnik Melayu semata-mata?

Analisis seterusnya melihat hubungan antara sokongan kepada pembangkang dengan komposisi etnik dalam kawasan pilihan raya.

Jadual 3. Korelasi antara sokongan kepada pembangkang dengan komposisi etnik dalam pilihan raya parlimen 2008

| | | Melayu (%) | Cina (%) | India (%) | Lain (%) |
|---------|------------------|------------|----------|-----------|----------|
| PEM (%) | Korelasi Pearson | -.35** | .34** | .30** | -.19 |
| | Sig. (2-tailed) | .00 | .00 | .00 | .05 |
| | N | 166 | 166 | 166 | 166 |

** . Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed)

* . Korelasi signifikan pada tahap 0.05 (2-tailed)

Analisis ini menghasilkan keputusan yang agak menarik kerana kesemua etnik menunjukkan hubungan yang signifikan dengan sokongan kepada pembangkang dan positif kecuali bagi etnik Melayu dan lain-lain bangsa. Ini membawa maksud komposisi etnik Cina dan India amat penting dan relevan kepada sokongan untuk pembangkang, dan hubungan yang positif bermakna semakin ramai etnik Cina dan India dalam kawasan pilihan raya maka semakin tinggi sokongan yang diperolehi oleh parti pembangkang. Pengundi Cina dan India telah memberikan sokongan penuh

kepada calon pembangkang tanpa mengira etnik calon-calon tersebut walaupun calon parti pembangkang adalah Melayu. Namun parti pembangkang tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada etnik Melayu. Hubungan signifikan yang negatif membawa pengertian semakin ramai etnik Melayu dalam sesebuah kawasan maka sokongan kepada pembangkang semakin merosot. Namun begitu, keberanian mereka terutamanya pengundi Cina dan India merupakan tanda rakyat berani membuat perubahan untuk menafikan majoriti 2/3 kerusi parlimen yang sentiasa dimenangi oleh BN. Politik etnik yang berpaksikan dua kelompok utama semakin jelas dalam politik negara. Etnik Melayu menjadi pendokong kepada BN sementara bukan Melayu menyumbang kemenangan kepada parti pembangkang. Adakah ini akan menyerlahkan kepada kewujudan dua blok pakatan politik ataupun sistem dua parti? Apa yang nyata kedua-dua elemen, etnik Melayu dan bukan Melayu berada dalam kedua-dua pakatan politik tadi.

Analisis politik Melayu-Islam tidak begitu jelas dalam komponen BN dan pakatan pembangkang. Ini kerana hanya UMNO yang memperjuangkan konsep tersebut dalam BN sementara hanya PAS yang dianggap mengutamakan Melayu-Islam dalam pakatan pembangkang. Ini menyebabkan analisis parti UMNO dan PAS dengan komposisi etnik dalam kawasan pilihan raya harus dijalankan. Analisis ini menghasilkan fenomena yang menarik.

Jadual 4. Analisis Regresi Berganda antara undi kepada UMNO dan PAS dengan komposisi etnik dalam kawasan pilihan raya parlimen pada PRU 2008

| | | Melayu (%) | Cina (%) | India (%) | Lain (%) |
|----------|------------------|------------|----------|-----------|----------|
| UMNO (%) | Korelasi Pearson | .61 | .48 | .24 | .13 |
| | Sig. (2-tailed) | .00 | .00 | .00 | .09 |
| | N | 102 | 102 | 102 | 102 |
| PAS (%) | Korelasi Pearson | .84 | .12 | .28 | .20 |
| | Sig. (2-tailed) | .00 | .18 | .01 | .06 |
| | N | 65 | 65 | 65 | 65 |

Parti politik majoriti etnik Melayu-Islam yang memperjuangkan agenda etnik mereka tetap menjadi pilihan etnik yang mereka wakili. Analisis ini telah menguatkan pandangan yang UMNO dan PAS adalah parti yang memperjuangkan agenda Melayu-Islam. UMNO dan PAS (walaupun PAS menerima semua etnik beragama Islam) masih bergantung kepada undi dan sokongan etnik Melayu untuk menang seterusnya membentuk kerajaan. Hubungan komposisi etnik Melayu dengan sokongan kepada UMNO dan PAS adalah signifikan dan positif. Ini membawa maksud, semakin ramai etnik Melayu dalam sesebuah kawasan pilihan raya maka semakin tinggi sokongan yang akan diperolehi oleh kedua-dua parti tersebut. Namun PAS mendapat sokongan etnik Melayu yang lebih tinggi berbanding UMNO. Manakala komposisi etnik Cina dan India juga signifikan dengan sokongan kepada UMNO tetapi tidak signifikan kepada sokongan yang diperolehi oleh PAS.

Analisis seterusnya akan dapat menganggarkan tahap sokongan etnik-etnik tersebut kepada UMNO dan PAS berasaskan kepada *model equation* berikut:

$$\text{UMNO} = 1688 + 0.34 (\text{Melayu}) + 0.16 (\text{Cina}) + (-0.04 * \text{India})$$

$$R^2 = 0.86 (86\%), n = 102$$

$$\text{PAS} = -6387 + 0.58 (\text{Melayu}) + 0.08 (\text{Cina}) + 0.90 (\text{India})$$

$$R^2 = 0.86 (86\%), n = 65$$

Model Regresi Berganda ini mencadangkan 34 peratus etnik Melayu dalam kawasan kajian telah memberikan sokongan kepada UMNO berbanding hanya 16 peratus etnik Cina dan 4 peratus etnik India. Selebihnya adalah faktor-faktor lain seperti calon, isu dan kekuatan UMNO sendiri. Analisis ini menghuraikan 86 peratus daripada keseluruhan sampel kajian. Sokongan etnik Melayu kepada UMNO berada antara 30 peratus hingga 37 peratus. Sementara itu bagi sokongan kepada PAS, 58 peratus etnik Melayu telah menyumbangkannya berbanding hanya 8 peratus etnik Cina dan sebahagian besar (90%) etnik India dalam kajian. Faktor-faktor lain juga menyumbang sokongan kepada PAS seperti faktor calon, isu, manifesto dan kempen. Analisis ini juga meliputi 86 peratus daripada sampel kajian. Dan sokongan etnik Melayu kepada PAS berada antara 47 peratus hingga 59 peratus. Berdasarkan *model equation* ini, sokongan etnik

Melayu adalah lebih tinggi kepada PAS berbanding UMNO. Etnik Cina hanya memberikan sokongan yang kecil kepada samada UMNO atau PAS. Dalam analisis ini, sokongan etnik Cina lebih tinggi kepada UMNO. Bagi etnik India pula, hampir keseluruhannya memberikan sokongan kepada PAS. Keadaan ini berkemungkinan disebabkan oleh perkara-perkara tertentu yang berlaku semasa PRU 2008.

Analisis Model Regresi Berganda yang dibincangkan menunjukkan etnik Cina lebih memberikan sokongan kepada UMNO berbanding PAS. Dalam lain perkataan, etnik Cina lebih cenderung memilih UMNO berbanding PAS dan ini agak bertentangan dengan pandangan umum yang mengatakan etnik Cina lebih menyokong PAS dalam pilihan raya umum yang lalu. Kajian oleh Ridhuan Tee (2010) menguatkan pandangan yang etnik Cina lebih memberikan sokongan kepada UMNO berbanding PAS. Beliau mengkaji berkaitan dengan persepsi bukan Melayu terhadap gerakan politik Melayu melibatkan 232 responden di institusi pengajian tinggi negara. Bagi etnik Cina, UMNO adalah parti chauvinis Melayu sementara PAS memperjuangkan penubuhan negara Islam. Kedua-dua perkara ini dilihat boleh menjejaskan survival dan hak masyarakat etnik Cina. Kajian ini mendapati etnik Cina '..... masih meletakkan kepercayaan mereka terhadap UMNO, orang Cina mempunyai persepsi yang negatif terhadap PAS' (Ridhuan Tee, 2010: 8). Namun begitu sebahagian besar responden dalam kajian ini memberikan komen yang negatif terhadap UMNO, umpamanya 'menggugut agar masyarakat Cina menarik balik memorandum selepas pilihan raya 1999', 'membuli MCA dan MIC dan gerakan rakyat dalam BN', 'menyalahgunakan kuasa dengan mengawal perundangan, eksekutif malah penghakiman di Malaysia', 'gerakan politik yang terlalu berasaskan kaum dan tidak dapat menunjukkan bangsa Malaysia, semua isu akan dipolitikingkan oleh pemimpin melayu UMNO, dan 'pemimpin UMNO memainkan isu perkauman (isu orang Melayu di Pulau Pinang)' (Ridhuan Tee, 2010:10). Namun begitu, mereka tetap memberikan sokongan kepada UMNO disebabkan mereka tidak ada pilihan lain. Ketakutan etnik Cina kepada negara Islam yang diperjuangkan oleh PAS lebih besar berbanding kengerian mereka kepada chauvinis Melayu yang dilaksanakan oleh UMNO.

Sementara itu juga, kajian oleh Ilham Center (2010) juga mendapati sokongan etnik Cina kepada PAS amat rendah berbanding UMNO (Jadual 5). Kajian tersebut dijalankan di Melaka melibatkan 3 buah kawasan DUN dengan 731 orang responden.

Jadual 5. Kecenderungan pengundian oleh etnik (peratus)

| Etnik | UMNO | PAS | Atas pagar | Tidak respon |
|--------|------|------|------------|--------------|
| Melayu | 75.7 | 15.6 | 7 | 0.2 |
| Cina | 48.3 | 5.9 | 31.6 | 19.2 |
| India | 97.9 | 8.3 | 0 | 0 |

Berdasarkan Jadual 5, sokongan oleh semua etnik lebih tinggi kepada UMNO berbanding PAS. Sejumlah 75.7 peratus etnik Melayu memberikan sokongan kepada UMNO berbanding 15.6 peratus menyokong PAS. Bagi etnik Cina, sebanyak 48.3 peratus memilih UMNO dan hanya 5.9 peratus menyokong PAS. Sementara itu hampir keseluruhan etnik India (97.7 peratus) memberikan sokongan mereka kepada UMNO berbanding hanya 8.3 peratus memihak kepada PAS. Kajian ini memperlihatkan kebanyakan etnik Cina di kawasan kajian lebih memberikan sokongan mereka kepada UMNO berbanding PAS. Mereka ternyata lebih selesa memberikan sokongan kepada UMNO disebalik pandangan umum yang mengatakan etnik Cina lebih menyokong PAS. Satu perkara yang perlu diberi perhatian adalah terdapat sekelompok etnik Cina yang tidak menyebelahi mana-mana parti (31.6 peratus) dan kelompok yang tidak memberikan sebarang tindak balas kepada perkara tersebut (19.2 peratus).

Sebahagian besar kelompok etnik Cina yang tidak menyokong PAS berpendapat parti PAS tidak mampu untuk memerintah negara (54.1 peratus). Walaupun PAS telah memerintah Kelantan selama 21 tahun (1990 hingga 2011) dan Kedah selama 3 tahun (2008-2011), ia masih tidak memberikan keyakinan kepada etnik Cina akan keupayaan parti ini untuk memerintah Malaysia. Selain daripada itu juga, etnik Cina juga berpendapat PAS adalah sebuah parti yang konservatif dan ortodoks (45.1 peratus) semata-mata kerana PAS tetap dengan perjuangan untuk mewujudkan sebuah masyarakat dan pemerintahan yang mempunyai nilai-nilai hidup Islam. Ketetapan

perjuangan PAS semenjak daripada penubuhannya pada tahun 1951 dilihat sebagai mempertahankan nilai-nilai tradisional sedangkan berlaku perubahan pesat dalam nilai-nilai hidup moden. Jelas perkara ini tidak dapat diterima oleh kelompok pengundi etnik Cina tersebut. Pada masa yang sama, 33.2 peratus etnik Cina tidak memberikan sokongan kepada PAS kerana berpendapat PAS ingin melaksanakan hukum hudud dan akan menubuhkan negara Islam sekiranya mereka berkuasa kelak. Perkara ini menimbulkan ketakutan kepada mereka dan sekaligus menjauhkan mereka daripada PAS. Parti PAS telah menegaskan bentuk pemerintahan kerajaan PAS di Kelantan dan Kedah adalah dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan. Bentuk yang sama juga akan dilaksanakan sekiranya PAS menguasai pemerintahan negara pada masa akan datang. Penjelasan ini masih tidak dapat diterima oleh etnik Cina dan mereka masih dalam persepsi yang lama.

Penutup

Perbincangan dalam kertas ini mencadangkan UMNO dan PAS masih bergantung kepada sokongan etnik Melayu berbanding etnik-etnik yang lain dalam pilihan raya. Parti yang lebih kuat, stabil, mengutamakan rakyat dan mempunyai pemimpin yang berwibawa, berintegriti serta bermoral akan menjadi pilihan etnik Melayu. Dalam PRU 12, sokongan etnik Melayu lebih menumpu kepada PAS berbanding UMNO. UMNO juga hilang banyak kerusi dalam pilihan raya tersebut berbanding PAS yang dapat menambahkan bilangan kerusi mereka di parlimen. Dalam keadaan ini, UMNO dilihat agak lemah dan semakin kehilangan sokongan etnik Melayu. Menyedari perkara tersebut, pihak UMNO telah menyambut baik prinsip kerjasama dan perpaduan Melayu yang pernah disuarakan oleh kelompok tertentu dalam PAS. Malah isu perpaduan Melayu disemarakkan lagi oleh beberapa individu tertentu dan pertubuhan bukan kerajaan yang mewakili kepentingan Melayu. Kesempatan ini juga diambil oleh media massa yang menyokong penuh kepada wujudnya perpaduan Melayu antara UMNO dan PAS. Perkara ini menuntut pimpinan PAS membuat keputusan yang betul dan wajar. Dalam keadaan sekarang, PAS lebih kuat, berwibawa dan terbukti dapat mentadbir Kelantan dan Kedah dengan memuaskan.

Namun begitu, bagi PAS, untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang seterusnya menguasai pemerintahan di beberapa buah negeri ataupun membentuk kerajaan di peringkat Persekutuan, PAS harus mendapat sokongan daripada etnik lain seperti Cina, India dan lain-lain etnik. Dalam negara pelbagai etnik seperti Malaysia, PAS memerlukan sokongan daripada pelbagai etnik dan bukannya daripada satu etnik sahaja. Formula ini telah dipraktikkan oleh BN dan terbukti kejayaannya apabila BN menguasai kerajaan Persekutuan semenjak daripada pilihan raya pertama selepas kemerdekaan, pilihan raya umum 1959. PAS juga harus berusaha dengan lebih gigih mendekati kelompok pengundi Cina dan India dan berusaha memecahkan tembok pemisah antara mereka dengan pengundi bukan Melayu. Lebih jelas, PAS tidak harus meminggirkan keperluan dan kehendak kelompok ini dalam suasana politik pelbagai etnik seperti Malaysia. Yang paling penting PAS harus membuktikan kepada semua rakyat pelbagai etnik bahawa PAS adalah parti untuk semua etnik dan bukannya memperjuangkan kepentingan etnik Melayu semata-mata.

Rujukan

- Amer Saifude Ghazali (2009) *Geografi pilihan raya Malaysia*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
Bowker J (1997) *The Oxford dictionary of world religions*. Oxford University Press, Oxford.
Endang Saifuddin Anshari (1982) *Sains, falsafah dan agama*. Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur.
Ferm V (1959) *Encyclopedia of religion*. Little Field, Adams & Co, New Jersey.
Hafiz Baqi (2009) *Kontroversi: Kerajaan perpaduan dan 16 September*. Media Icon, Kuala Lumpur.

- Panel Penyelidik Ilham Centre (2010) *Kajian penerimaan rakyat terhadap Parti Islam SeMalaysia Negeri Melaka*. Ilham Centre, Shah Alam.
- Johnston RJ, Gregory D, Smith DM (2000) *The dictionary of Human Geography*. Blackwell, Oxford.
- Subky Latif (1977) *Siapa ganti Asri?* Penerbitan Pena, Kuala Lumpur.
- Subky Latif (1978) *Barisan Nasional digugat dan digigit*. Syarikat Usahasama Farook Subky, Kuala Lumpur.